

**Saham TM Jatuh Susulan Cadangan Pembelian Pegangan P1
Bernama
28 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Rancangan Telekom Malaysia (TM) untuk membeli 57 peratus pegangan dalam Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) dengan harga berjumlah RM350 juta mungkin menyumbang kepada penurunan tiga peratus harga sahamnya di Bursa Malaysia hari ini, kata seorang penganalisis.

Kaunter itu yang dibuka pada RM6.12, turun 3.548 peratus, atau 22 sen kepada RM5.98 pada pukul 11:30 pagi.

Selepas janji niaga itu selesai, Green Packet dan SK Telecom Korea Selatan Co Ltd masing-masing akan memegang baki 30 peratus dan 13 peratus pegangan.

Selain itu, TM akan melanggan RM210 juta bon boleh ditukar yang diterbitkan oleh Green Packet, yang boleh ditukarkan kepada saham P1.

Penganalisis itu berkata TM, Green Packet dan SK Telecom komited untuk melanggan bon boleh tukar bernilai RM1.65 juta yang diterbitkan oleh P1 pada masa hadapan bagi LTE (Evolusi Jangka Panjang), standard wayarles 4G yang diterima global.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025665>